

## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Majlis Peperiksaan Malaysia mempelawa syarikat yang berminat, berkecayaan, dan berpengalaman untuk membuat tawaran sebut harga bagi perbekalan yang berikut.

Nombor dan Tajuk Sebut Harga	Kelayakan Penyebut Harga	Tarikh Taklimat, Tarikh Buka, dan Tarikh Tutup Sebut Harga	Harga Dokumen Sebut Harga
<p><b>MPM(B)/PBKP/UPP/SH5/2019</b></p> <p>Membekal perkhidmatan untuk projek uji rintis memasarkan dan mengelolakan Ujian <i>Malaysian University English Test</i> (MUET) kelolaan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di negara China</p>	<p>Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</p>	<p><b>Tarikh taklimat sebut harga:</b>            Tarikh: 1 Februari 2019            Hari: Jumaat            Waktu: 3:00 petang            Tempat: Bilik Mesyuarat Syed Abu Bakar Barakbah, Aras 4 Utara, Bangunan MPM, Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor</p> <p><b>Tarikh buka sebut harga:</b>            Tarikh: 1 Februari 2019            Waktu: (selepas taklimat sebut harga)</p> <p><b>Tarikh tutup sebut harga:</b>            Tarikh: 22 Februari 2019            Waktu: 12:00 tengah hari</p>	<p style="text-align: center;"><b>RM50.00</b></p>

1. Penyebut harga diwajibkan menghadiri sesi taklimat sebut harga pada tarikh dan waktu yang telah ditetapkan. Hanya penyebut harga yang telah menghadiri taklimat sahaja yang dibenarkan untuk membeli dokumen sebut harga.
2. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan mengemukakan draf bank/wang pos/kiriman wang bernilai **RM50.00** (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**.
3. Majlis Peperiksaan Malaysia berhak untuk menerima atau menolak mana-mana atau kesemua dokumen sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga atau membatalkan sebut harga ini tanpa ada sebarang liabiliti atau tanggungjawab untuk memaklumkan tindakan yang sedemikian kepada penyebut harga.
4. Majlis Peperiksaan Malaysia tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran/sebut harga daripada mana-mana penyebut harga dan hanya penyebut harga yang berjaya sahaja akan dihubungi.
5. Projek ini terhad untuk projek uji rintis yang dinyatakan sahaja. Bagi pembekal yang terpilih untuk projek uji rintis ini, Majlis Peperiksaan Malaysia tidak terikat untuk melantik pembekal yang terpilih secara automatik sekiranya terdapat projek lain yang bertujuan memasarkan dan mengelolakan MUET atau peperiksaan/ujian lain kelolaan Majlis Peperiksaan Malaysia pada masa-masa akan datang.